

Jelaskan NPL 30%

UM - 5 NOV 2001

Oleh
HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Kontraktor bumiputera yang mempunyai pinjaman tidak bayar (NPL) tidak melebihi RM1 juta, kini hanya perlu menjelaskan 30 peratus sahaja daripada pinjaman tersebut.

Baki hutang tersebut akan

ditanggung oleh kerajaan sebanyak 30 peratus dan 40 peratus lagi oleh bank.

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Roslan Awang Chik berkata, perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam pertemuan dengan PKMM pada 1 November lalu.

"Langkah itu merupakan

pendekatan baru kerajaan untuk memastikan kontraktor-kontraktor bumiputera terus berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PKMM ke-22 oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini, hari ini.

Selain itu, katanya, pada pertemuan tersebut Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan memberi anugerah kepada kontraktor-kontraktor Melayu yang berjaya mendapat tender bukan daripada kerajaan.

"Kita semua tahu, kontraktor-kontraktor bumiputera, 90 peratus bergantung kepada kerajaan. Oleh itu yang berjaya nanti akan di-

beri hadiah oleh kerajaan," jelasnya.

Katanya lagi, dasar kerajaan itu ialah untuk menggalakkan kontraktor bumiputera berusaha mencari peluang-peluang perniagaan di pasaran terbuka.

"Kalau boleh, kerajaan mahu kita keluar daripada keadaan yang sentiasa mengharapkan ihsan dalam melaksanakan projek-projek," katanya.

sahaja

Kini, terdapat lebih 32,000 kontraktor berdaftar kelas rendah di seluruh negara yang hampir 92 peratus daripadanya adalah kontraktor bumiputera.

Dalam perkembangan lain, Roslan menafikan terdapat pegawai-pegawai daerah yang didakwa bertanggungjawab menukar kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan Pusat dengan kontraktor pilihan mereka.

Beliau juga menalikan dakwaan bahawa terdapat kontraktor-kontraktor di daerah tertentu yang memberi rasuah kepada pegawai kerajaan melalui tajaan program-program di peringkat daerah.

"Itu bukan rasuah, tetapi sumbangan dan bantuan untuk aktiviti mana-mana jabatan atau agensi kerajaan," ujarnya.